



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SEPTEMBER 2025



KEPENTINGAN PERTANIAN DAN PENTERNAKAN DALAM ISLAM

26 SEPTEMBER 2025M | 4 RABIULAKHIR 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الْأَرْضَ مِهَادًا وَأَنْبَتَ فِيهَا الزَّرْعَ وَالْمَرْعَى وَسَخَّرَ لَنَا الْأَنْعَامَ نَأْكُلُ مِنْهَا وَنَرْكَبُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، خَالِقُ الزَّرْعِ وَالْدَّوَابِّ وَمَالِكُ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ خَيْرُ مَنْ صَلَّى وَصَامَ وَقَامَ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا عِبَادَ اللَّهِ، وَاعْلَمُوا أَنَّ الدُّنْيَا دَارُ الْمَمَرِّ وَأَنَّ الْآخِرَةَ دَارُ الْقَرَارِ وَافْعَلُوا الْخَيْرَاتِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Marilah kita mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya, mudah-mudahan kita akan mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Marilah kita bersama-sama menanamkan rasa syukur atas segala nikmat yang Allah Taala kurniakan kepada kita, antaranya ialah nikmat tanah yang subur, air yang mencukupi, dan keamanan yang memungkinkan kita mengusahakan sumber rezeki seperti pertanian dan penternakan. Tanaman yang tumbuh daripada tanah dan sumber air adalah tanda-tanda



kebesaran dan kemurahan Allah Taala yang wajib kita syukuri. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah Yaasin, ayat 33 hingga 35:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَيُّهُ لَّهُمُ الْأَرْضُ الْمَيْتَةُ أَحْيَيْنَاهَا وَأَخْرَجْنَا مِنْهَا حَبًّا فَمِنْهُ يَأْكُلُونَ ﴿٣٣﴾
 وَجَعَلْنَا فِيهَا جَنَّاتٍ مِّنْ نَّخِيلٍ وَأَعْنَابٍ وَفَجَّرْنَا فِيهَا مِنَ الْعُيُونِ ﴿٣٤﴾ لِيَأْكُلُوا
 مِنْ ثَمَرِهِ وَمَا عَمِلَتْهُ أَيْدِيهِمْ أَفَلَا يَشْكُرُونَ ﴿٣٥﴾

Yang bermaksud: “ Dan dalil yang terang untuk mereka (memahami kekuasaan dan kemurahan kami) ialah bumi yang mati kami hidupkan dia serta kami keluarkan daripadanya biji-bijian, maka daripada biji-bijian itu mereka makan. Dan kami jadikan di bumi itu kebun-kebun kurma dan anggur, dan kami pancarkan padanya beberapa mata air, Supaya mereka makan dari buah-buahannya dan dari apa yang dikerjakan oleh tangan mereka; maka patutkah mereka tidak bersyukur? ”

Al-Quran juga menyatakan tentang beberapa manfaat daripada hasil penternakan melalui firman Allah Taala dalam surah al-Nahl ayat 66 yang bermaksud: “ Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternak itu, kamu beroleh pelajaran yang mendatangkan iktibar. Kami beri minum kepada kamu daripada apa yang terbit dari dalam perutnya, yang lahir dari antara hampas makanan dengan darah; (iaitu) susu yang bersih, yang mudah diminum, lagi sedap rasanya bagi orang yang meminumnya. ”



Sidang Jumaat yang dikasihi,

Ketahuilah bahawa pertanian dan penternakan merupakan antara sumber asas kehidupan dan kekuatan ekonomi ummah serta mampu mengelakkan kebergantungan kepada negara luar. Apabila umat Islam gagal menguasai sumber makanan dan pertanian, kita akan menjadi bangsa pengguna, bukan pengeluar. Ini menyebabkan harga makanan ditentukan oleh pihak luar, dan kita terdedah kepada krisis makanan global. Imam Ibn Khaldun pernah berkata:

الزَّيْرَاعَةُ أَسَاسُ الْعُمَرَانِ وَأَصْلُ التَّمَدُّنِ وَهِيَ مِفْتَاحُ الرِّزْقِ وَالْإِسْتِقْلَالِ

Yang bermaksud: *“Pertanian adalah asas kepada pembangunan tamadun dan kunci kepada rezeki serta kemerdekaan.”*

Saidina Umar bin al-Khattab Radiallahu Anhu juga pernah berkata: *"Jangan kamu malas bercucuk tanam, kerana sesungguhnya ia adalah keberkatan rezeki."*

Bekerja dengan usaha tangan sendiri pula lebih diberkati berbanding hanya bergantung kepada bantuan atau pemberian orang lain. Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari yang bermaksud: *“Tidak ada makanan yang lebih baik dimakan oleh seseorang daripada hasil kerja tangannya sendiri. Nabi Allah Daud juga makan daripada hasil kerja tangannya.”*

Allah Taala menjadikan bumi ini mudah untuk diusahakan, dan kita diperintahkan agar berusaha mencari rezeki yang halal daripadanya. Sayangnya, masih ada pemilik tanah yang membiarkan tanah mereka terbiar



begitu sahaja tanpa sebab yang munasabah. Ini merupakan tanda kemalasan dan sikap tidak bersyukur terhadap nikmat Allah Taala.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Ta'ala

Dalam mengusahakan pertanian dan penternakan, Islam sangat menekankan syariat, adab dan akhlak, antaranya tidak mencerooboh tanah milik orang lain walaupun hanya sekadar sejengkal. Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim yang bermaksud: *“Sesiapa yang merampas sejengkal tanah dengan cara yang zalim, maka Allah akan kalungkan tanah itu pada lehernya dari tujuh lapis bumi di hari kiamat.”*

Begitu juga, janganlah kita tidak menggunakan racun pertanian yang tidak menepati keselamatan hasil tanaman sehingga membahayakan pengguna yang memakannya. Demikian juga haiwan ternakan tidak boleh dibiarkan berkeliaran mengotorkan tempat awam, merosak atau memakan tanaman orang lain, bahkan membahayakan pengguna jalan raya sehingga menyebabkan kematian. Ini termasuk kezaliman yang dilarang dalam Islam. Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ فِي الْإِسْلَامِ

Yang bermaksud: *“Tidak boleh ada bahaya dan tidak boleh menyebabkan bahaya dalam Islam”*



Sidang Jumaat sekalian

Kita juga menyeru pihak berkuasa, agensi agama, agensi pertanian dan pendidikan supaya lebih proaktif menyediakan bantuan, bimbingan dan pelan tindakan jangka panjang untuk menyemai budaya bertani dan menternak dalam kalangan umat Islam.

Masjid juga boleh digunakan sebagai pusat agro-dakwah untuk mendidik masyarakat tentang keusahawanan dan pertanian bagi mewujudkan komuniti Islam yang berdaya saing dan berdikari. Anak muda pula perlu digalakkan untuk melibatkan diri dalam bidang pertanian dan penternakan dengan teknologi moden, berinovasi dan pertanian pintar yang sesuai dengan era moden.

Kesimpulannya, pertanian dan penternakan bukan sahaja menjana ekonomi tetapi membentuk masyarakat yang berdikari, sejahtera dan dekat dengan nilai-nilai Islam. Marilah kita kembali memandang serius sektor ini sebagai ibadah, bukan semata-mata pekerjaan dunia. Marilah kita membina kembali kekuatan ummah melalui sektor pertanian dan penternakan. Ini adalah jihad ekonomi yang mesti diteruskan oleh kita.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَنْ لَّيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَى ﴿٣٩﴾ وَأَنْ سَعْيُهُ سَوْفَ يُرَى ﴿٤٠﴾ ثُمَّ يُجْزَاهُ الْجَزَاءَ

الْأَوَّلَى ﴿٤١﴾



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.